

TAGLINE MPSP



TAGLINE MPSP

KEKALKAN KEINDAHAN MALAYSIA DENGAN KITAR SEMULA
KEBERSIHAN SEBERANG PERAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA
SAYANGILAH ALAM SEKITAR DEMI GENERASI MASA HADAPAN
KITAR SEMULA, FIKIR DULU SEBELUM BUANG
BANDAR BERSIH, RAKYAT SEJAHTERA
KITAR SAMPAH ANDA, UNTUK MASA DEPAN NEGARA
JAUHI DADAH, PEROSAK DIRI, KELUARGA DAN NEGARA
BAYARLAH CUKAI TAKSIRAN UNTUK PEMBANGUNAN SEBERANG PERAI
MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA
BAYARLAH CUKAI TAKSIRAN SECARA ON-LINE DI www.mpsp.gov.my
BAYARLAH CUKAI TAKSIRAN, ELAKKAN HARTA ANDA DISITA
PERKHIDMATAN ON-LINE MPSP DI www.mpsp.gov.my
ADUAN MPSP DI aduan@mpsp.gov.my
PAMERKAN KUPON LETAK KERETA APABILA MELETAK KERETA DI SEBERANG PERAI
DAPATKAN KUPON LETAK KERETA MPSP DARI AGEN-AGEN YANG SAH
ANDA SEDANG BERADA DI KAWASAN LETAK KERETA BERKUPON. DAPATKAN KUPON DARI AGEN BERHAMPIRAN
KESELAMATAN HARTA AWAM ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA
CLEANER GREENER PENANG
PENANG BERSIH HIJAU
SUDAH ANDA MEMBAYAR CUKAI PINTU ??
SILA BAYAR CUKAI PINTU ANDA

VISI

Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan

MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

SILA HUBUNGI :

JABATAN KEJURUTERAAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Tingkat 3, Jalan Perda Utama
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang

No. Tel: 04-549 7635 (Tingkat 3)



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam

Tel:04-549 7555 Fax: 04-538 9700



INFO PAPAN IKLAN

Papan iklan adalah paparan besar yang mengiklankan barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan itu ditempatkan.

Paparan iklan ini adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 di bawah Undang-undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001 dan Garis panduan Perancangan Papan Iklan Luar KPKT.

Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan tersebut di Tingkat 3 Jabatan Kejuruteraan MPSP atau di laman web seperti dibawah :

<http://www.mpsp.gov.my/brgonline/kej/leseniklan.pdf>

Ketika menyerahkan permohonan salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah dikepilkkan

1. Surat Permohonan.
2. Kad pengenalan /polis / tentera / passport sahaja.
3. Perakuan pendaftaran perniagaan / memorandum syarikat dan Borang 49.
4. Surat kelulusan Pelan Bangunan MPSP (untuk permohonan pemaju perumahan sahaja).
5. Empat Salinan Pelan Lokasi / Pelan Tapak/ Skala Pelan Google (Berskil) beserta Koordinat Geografi (Longitud & Latitud).
6. Empat Salinan Visual Iklan yang berukuran dan berwarna.
7. Dua Salinan Pelan Struktur yang diakui oleh Jurutera bertauliah.
8. Surat kebenaran tuan tanah atau tuan bangunan berserta Salinan Geran Asal.
9. Salinan Surat Kelulusan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) jika tanah tersebut rezab / tanah kerajaan.
10. Satu surat persetujuan dari pengarah –pengarah syarikat untuk memberi kuasa kepada pemohon untuk menjadi wakil/pemegang lesen untuk syarikat.
11. Pengesahan Borang B seperti yang dilampirkan.

BAGAIMANA PROSES INI BERLAKU?

Proses Permit Papan Iklan

1. Pemohon perlu mengemukakan borang yang telah diisi lengkap untuk semakan di kaunter tingkat 3 Jabatan Kejuruteraan.
2. Borang perlu dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan setelah semua syarat di terima.
3. Borang permohonan yang lengkap akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perlesenan dan Penguatkuasaan untuk pertimbangan. Setelah kelulusan diperolehi, pemohon dikehendaki membuat bayaran dan permit iklan akan dikeluarkan.

APAKAH PROSES SETERUSNYA ?

1. Permit iklan hanya dikeluarkan setelah bayaran lesen iklan dibuat.
2. Permit iklan akan menyatakan dengan jelas tarikh permit berkenaan berkuatkuasa termasuk tarikh tamat permit.
3. Tag line iklan mesti dipamerkan pada paparan iklan yang telah didirikan.
4. Sesuatu permohonan bagi memperbaharui lesen hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan bayaran lesen.
5. Pengiklan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada MPSP sebelum menukar visual dipapan iklan yang telah di luluskan

KADAR BAYARAN

1. Free-Standing Billboard (Billboard)

BIL	PERKARA	HARGA
i	Cagaran satu (1) struktur	RM3,000.00
ii	Bagi dua (2) meter persegi pertama untuk satu iklan	RM 200.00 setahun
iii	Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya.	RM 30.00 setahun
iv	Bagi papan iklan yang dibina dahulu sebelum mendapat kelulusan	Denda tiga kali bayaran lesen tahunan iklan

2. Free-Standing Billboard (Unipole)

BIL	PERKARA	HARGA
i	Cagaran 1 struktur	RM3,000.00
ii	Bagi dua meter persegi pertama untuk satu iklan	RM 500.00 setahun
iii	Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya.	RM 30.00 setahun
iv	Bagi papan iklan yang dibina dahulu sebelum mendapat kelulusan	Denda tiga kali bayaran lesen tahunan iklan

3. Pagar Keselamatan (Hording)

BIL	PERKARA	HARGA
i	Cagaran 1 paparan	RM3,000.00
ii	Bagi satu meter persegi pertama untuk satu iklan	RM 70.00 setahun
iii	Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya.	RM 7.00 setahun
iv	Bagi papan iklan yang dibina dahulu sebelum mendapat kelulusan	Denda tiga kali bayaran lesen tahunan iklan

4. Free-Standing Billboard (Sementara) saiz paparan tidak melebihi keluasan 10 meter persegi.

BIL	PERKARA	HARGA
i	Cagaran 1 paparan	RM 200.00
ii	Bagi Satu paparan iklan x berapa bulan	RM 50.00 setahun
iii	Tempoh masa 3 bulan	-

Untuk papan iklan Sementara pemohon perlulah mendapat salinan surat kelulusan dari Pejabat Daerah dan Tanah jika tanah tersebut rezab / tanah kerajaan.